



MURID Tahun 6 SK Tanjung Aru 1 bergambar kenangan selepas mengunjungi UMSKAL sempena program Lawatan Sambil Belajar ke Wilayah Persekutuan Labuan pada Ahad.

Murid Tahun 6 SK Tanjung Aru 1 lawat UMSKAL

u8 21.11.2017 A3

LABUAN: Seramai 25 murid Tahun 6 SK Tanjung Aru 1 telah mengunjungi UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sempena program Lawatan Sambil Belajar ke Wilayah Persekutuan Labuan pada Ahad.

Ketua rombongan Mohd Safri Mohd Yanin berkata lawatan pada 19-22 November itu bertujuan memberi pendedahan mengenai proses pembelajaran dan pengajaran di menara gading.

Pada masa sama, beliau yang juga guru disiplin SK Tg Aru 1 mahu murid menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman mengunjungi Labuan yang diisytiharkan sebagai Wilayah

Persekutuan pada 16 April 1984.

“Murid akan membenarkan hasil lawatan untuk disimpan di Pusat Sumber Sekolah SK Tanjung Aru 1,” katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UMSKAL yang sentiasa memberikan kerjasama menjayakan lawatan itu.

Ketika di UMSKAL, penyelar lawatan Mohizam Mohamad membawa ahli rombongan melawat makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9, Bangunan Menara UMSKAL serta meninjau pemandangan menarik Pulau Labuan di Aras 13.

Selain UMSKAL, murid dan guru turut melawat SK Pekan Dua, Muzium Sejarah, Muzium Marin, Muzium Chimney, kilang air leminit, Taman Burung dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua.

Mohd Safri tidak lupa mengucapkan terima kasih Guru Besar SK Tg Aru 1 Haji Abd Ghani Haji Kassim kerana membenarkan program lawatan yang dikendalikan Unit HEM itu melawat Labuan.

“Kami ucapkan terima kasih kepada PIBG dan penyumbang individu yang membantu melancarkan pergerakan kami di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.